

# Najib gemar buku sejarah, biografi

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, berkata dari dulu lagi beliau suka membaca buku mengenai sejarah, pemikiran strategik dan kisah tokoh masyarakat.

"Saya sudah besar dengan buku-buku sebegini," kata Perdana Menteri dalam laman blog [www.1malaysia.com](http://www.1malaysia.com), semalam.

Katanya, koleksi buku beliau sekarang masih sama seperti dulu, iaitu bahan bacaan yang cenderung ke arah penulisan bukan fiksyen.

Buku-buku sebegini, kata beliau, tidak menghidangkan senario seperti dalam buku fiksyen yang hanya dipenuhi imaginasi.

Najib berkata, buku bukan fiksyen menggariskan satu mesej yang cukup bermakna, iaitu perihal manusia dan kemanusiaan yang sebenar, selain menceritakan kisah dan situasi sejarah selain utusan dan kejayaan setiap yang dialami oleh insan biasa. Itulah yang ditentuk Omaginasi.

Perdana Menteri berkata, cerita sebegini turut diadaptasi dan diceritakan semula dalam bentuk percetakan, skrin dan pementasan.

Katanya, sebagai Perdana Men-

teri, hari-hari beliau selalu untuk dilengkapi dengan aktiviti bersama kerja.

"Oleh itu, saya amat menghargai masa yang dapat diluangkan untuk aktiviti peribadi yang saya gemari, seperti membaca buku," kata Najib sambil menjelaskan bahawa baru-baru ini beliau berkesempatan membaca buku biografi mengenai Steve Jobs, pengasas komputer Apple yang meninggal dunia dunia akibat kanser, baru-baru ini.

Katanya, ketabahan luar biasa ikon seperti Nelson Mandela, Sir Winston Churchill atau pandangan berharga Malcolm Gladwell, W Chan Kim dan Rene Maubourgne sudah dan akan terus menyemarakkan lagi aspirasi masyarakat.

Najib menyeru rakyat Malaysia yang mempunyai masa terluang supaya membaca sekrap yang mungkin.

Perdana Menteri juga meminta orang ramai memberi komen dalam blognya mengenai bahan bacaan kegemaran mereka agar beliau dapat tahu buku apa yang menjadi pilihan rakyat Malaysia masa kini.

- BERNAMA



*Buku bukan fiksyen gariskan satu mesej yang cukup bermakna, iaitu perihal manusia dan kemanusiaan sebenar*



**Najib Razak**  
Perdana Menteri